

Dua bahagian tolak pencalonan Ku Li

BH 12 MAR 2000

Oleh AHMAD ZAINI
KAMARUZZAMAN. DAN
NASIR HASSAN

KUALA LUMPUR: Satu gagal melalui pengundian manakala satu lagi langsung tidak mendapat sokongan. Begitulah nasib usaha untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada mesyuarat Umno bahagian Kuala Krai dan Padang Terap semalam.

Di KUALA KRAI, cubaan untuk mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Presiden dan Timbalan Presiden Umno, gagal apabila sebahagian besar perwakilan Umno bahagian Kuala Krai menolak cadangan itu secara pengundian.

Sebaliknya, Umno bahagian itu membuat keputusan mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk kedua-dua jawatan berkenaan.

Keputusan itu dibuat menerusi pengundian oleh semua perwakilan secara mengangkat tangan dengan majoriti 64 undi.

Cadangan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah sebagai Presiden dan Tim-

balan Presiden dalam mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Krai, semalam, dibuat oleh Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Salleh Che Haron.

Ketika mengemukakan cadangan itu, Salleh yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Temangan, berkata cadangan itu dibuat berdasarkan keputusan dan nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan pada pemilihan Mei ini.

Cadangan beliau disokong oleh Ketua Umno Cawangan Pemberian, Abdul Rahman Hassan.

Sementara itu, pencalonan Tengku Razaleigh untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno dicadangkan oleh Wan Hanafi Wan Sulong dari cawangan Guchil dan disokong oleh Ketua cawangan Sri Rela Jasa, Manik Urai, Hussein Ibrahim.

Cadangan pertama yang mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah mendapat 123 undi, manakala cadangan kedua mencalonkan Tengku Razaleigh mendapat 59 undi.

Mesyuarat itu dirasmikan Ketua Umno bahagian itu, Datuk Wan Zaid Wan Ab-

dullah, yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Ia dihadiri 318 perwakilan dan dikendalikan Umno bahagian Rantau Panjang diketuai, Mohd Zain Ismail, selaku wakil Badan Perhubungan Umno negeri.

Urusetia mesyuarat itu terpaksa bertindak tegas dengan menutup pintu Dewan persidangan bagi memastikan hanya perwakilan saja berada di dalam dewan supaya mesyuarat berjalan lancar.

Mesyuarat itu juga turut mendalatkan tiga Naib Presiden iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Selain itu, bahagian berkenaan juga mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai Pengerusi Tetap dan Datuk Idris Ibrahim sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Di KUALA NERANG, Percubaan perwakilan Umno bahagian Padang Terap mengikuti langkah bahagian Tanah Merah, Kelantan mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Timbalan Presiden gagal

apabila cadangan yang dikemukakan tidak mendapat sokongan.

Dalam persidangan perwakilan semalam, wakil cawangan Kuala Pai Selatan, Abdul Wahab Hashim mencalonkan Tengku Razaleigh selepas Ketua Penerangan bahagian, Faisal Abdul Aziz mewakili Jawatankuasa Bahagian mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai presiden dan timbalannya.

Bagaimanapun, selepas Pengerusi Tetap persidangan, Abdul Malek Hassan meminta sokongan terhadap cadangan Abdul Wahab, tiada seorangpun daripada 318 perwakilan memberikan sokongan.

Berikutan itu, pencalonan Dr Mahathir dan Abdullah diterima sebulat suara tanpa pengundian.

Persidangan yang dirasmikan Ketua Bahagian, Datuk Dr Affifudin Omar itu juga menyaksikan tujuh pencalonan bagi jawatan Naib Presiden.

Sebelum itu, berlaku sedikit kekecohan selepas Faisal membacakan senarai pencalonan naib presiden yang terdiri daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin, Datuk Seri Najib Tun Razak

dan Datuk Abdul Ghani Othman.

Ketua Pemuda bahagian, Abdul Lateh Mohd Saman bangun meminta penjelasan dengan mendakwa jawatankuasa bahagian menetapkan senarai mengandungi Muhyiddin, Najib dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan bukan seperti yang dibacakan Faisal.

Affifudin kemudian memberi penjelasan bahawa pindaan itu diputuskan tanpa kehadiran Abdul Lateh ketika persidangan berhenti rehat makan tengah hari.

Jawatankuasa itu kemudian mengadakan pemilihan secara undi sulit bagi membuat ketetapan dan hasilnya senarai awal dipilih sebagai pencalonan jawatankuasa bahagian.

Bagaimanapun, selepas pengerusi memaklumkan jika ada cadangan lain, beberapa perwakilan mencadangkan nama Muhammad, Tan Sri Mohd Isa Samad, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Selepas pengundian secara angkat tangan, Najib memperolehi 131 undi, Muhyiddin (109 undi) dan Muhammad (68 undi) terpilih sebagai calon naib presiden.